



# KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

# SIARAN MEDIA

MOD.100-2/1/2 Jld 6 (76) 04/11

## DAERAH TANAH MERAH PENUTUP KEPADA PROGRAM VETERAN DESA MADANI KEMENTERIAN PERTAHANAN TAHUN 2024

1. **Tanah Merah, 9 November 2024** – Timbalan Menteri Pertahanan, YB Adly Zahari telah melaksanakan **Program Veteran Desa Madani (VDM)** di bawah Kementerian Pertahanan bersama-sama dengan Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV). VDM merupakan salah satu inisiatif terkini daripada keseluruhan **Program Peduli Veteran Madani (PVM)** yang telah dilaksanakan sejak bulan Mac 2023 hingga kini. Program ini menampilkan **pengisian yang lebih mesra dengan veteran dan keluarga termasuk komuniti setempat**. Objektif utama pelaksanaan VDM adalah seperti berikut:

- a. Menyediakan sasaran keluarga veteran ATM yang lebih tepat dan khusus kepada golongan veteran asnaf dan di bawah kategori B40 yang memerlukan bantuan dalam salah satu di antara lima (5) aspek PVM iaitu **Kebajikan, Kesihatan, Perumahan, Pendidikan dan Pemerkaasan (empowerment)**.
- b. Berfungsi sebagai **platform kolaborasi antara kementerian dan kerajaan negeri** dalam usaha untuk menyampaikan bantuan kebijakan kepada veteran-veteran terpilih secara khusus dan masyarakat setempat secara amnya.
- c. Memenuhi aspirasi Kementerian Pertahanan yang sentiasa '**Responsif, Prihatin dan Komited**' dalam menjaga kesejahteraan dan kebijakan veteran ATM yang menjadi salah satu teras utama dalam **Pelan Strategik Kementerian Pertahanan**.
- d. Selaras dengan pembangunan dasar **Malaysia Madani (Teras Ihsan)** untuk kementerian terus berusaha mengenalpasti sebarang peluang yang boleh manfaatkan veteran dan tanggungan demi memperkasakan agenda kebijakan veteran ATM.

2. Sebagai permulaan, program ini telah diadakan di Daerah Machang dan Gua Musang pada bulan Julai dan Ogos 2024 sebelum diteruskan ke Daerah Rantau Panjang pada bulan September yang lalu. Sepanjang Program VDM Tanah Merah, YB Adly berpeluang beramah-mesra dengan para veteran serta komuniti setempat serta melaksanakan aktiviti gotong-royong seperti "**Bekwoh**" iaitu aktiviti memasak lauk kenduri bersama-sama dengan penduduk kampung. YB Adly juga turut menyampaikan **sumbangan sebanyak 100 Bakul Rahmah dan 100 kampit beras** kepada persatuan veteran setempat dan penduduk kampung Bechah Laut yang terdiri daripada golongan asnaf serta yang memerlukan bantuan.

3. Bersempena dengan program VDM pada kali ini, pelbagai pengisian diadakan bagi menggalakkan interaksi orang ramai secara langsung. Penduduk berdekatan khususnya dari Kampung Bechah Laut serta di sekitar Tanah Merah telah **hadir ke Dewan Sekolah Kebangsaan Bechah Laut bagi sesi bertemu pelanggan serta beramah mesra dengan YB Adly Zahari**. Pelbagai program telah diadakan seperti **ceramah penerangan serta perkhidmatan kesihatan dan pemeriksaan gigi daripada Bahagian Perkhidmatan Kesihatan ATM (BPK)**, **kaunter bertemu pelanggan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)** dan **kaunter perkhidmatan veteran ATM oleh Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV)**.

4. Selain daripada itu, turut diadakan ialah lawatan kebajikan kepada seorang **veteran ATM di Kampung Baru Bechah Laut**. Selain bertanya khabar, YB Adly berbesar hati **menyerahkan sumbangan wang tunai dan Bakul Makanan** kepada veteran dan keluarga. Beliau meneruskan lawatan ke **Kampung Tengah Bukit Panau untuk bertemu dengan usahawan veteran yang menjalankan perniagaan kuih-muih tradisional**. Dalam kunjungan tersebut, YB Adly telah berkongsi idea dan pengalaman perniagaan khususnya dalam aspek penjualan dan pemasaran. YB Timbalan Menteri Pertahanan seterusnya menyampaikan **Sijil Pengiktirafan** di atas kejayaan veteran dalam bidang keusahawanan makanan serta memasang **Plate Usahawan** pada premis perniagaan “**Rumah Kueh Moksu Ani**” milik veteran. Kementerian Pertahanan bertekad untuk terus komited membantu para usahawan veteran ATM bagi meningkatkan produktiviti serta pendapatan mereka. Timbalan Menteri Pertahanan turut mengucapkan penghargaan atas sokongan dan kerjasama daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kelantan, Majlis Daerah Tanah Merah serta Kerajaan Negeri Kelantan sepanjang pelaksanaan Program VDM Negeri Kelantan pada tahun ini. **Negeri Kelantan mencatatkan seramai 17,068 orang veteran ATM dan 5,856 adalah veteran ATM yang tidak berpencen. Daerah Tanah Merah mempunyai seramai 1,388 veteran ATM berpencen, 612 veteran ATM yang tidak berpencen dan 254 adalah penerima pencen terbitan.**

5. Program Veteran Desa Madani pada kali ini turut diiringi Penolong Pengarah 3, Bahagian Dasar JHEV ATM; Mejar Muhaizam bin Mustapa Delmi mewakili Ketua Pengarah JHEV ATM, Pengarah JHEV Cawangan Negeri Kelantan; Mejar Wan Abdullah bin Wan Abdul Samad TUDM serta wakil persatuan-persatuan veteran ATM sekitar Kelantan.

-TAMAT-

**“MALAYSIA MADANI”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA”**